

Rambang mata pilih juadah

KUALA LUMPUR: Kepelbagaian menu dan masakan menjadikan medan selera di Jalan Masjid India, di sini, sebagai lokasi utama untuk menjamu selera terutama pada tengah hari dan malam, selain pada hujung minggu.

Pelbagai makanan terdapat di kawasan ini antaranya nasi campur, ikan bakar, mi bandung, mi goreng, laksa, minuman serta buah-buahan.

Dibuka seawal jam 10 pagi, medan selera berkenaan juga tempat untuk pengunjung yang keletihan selepas penat membeli-belah mengisi perut dan sesak pada hujung minggu kerana kehadiran pengunjung yang ramai.

Selain itu, ia popular di kalangan kakitangan pejabat di sekitar kawasan itu berikutan hariannya berpatutan dan menawarkan masakan dari pelbagai negeri.

Peniaga, Farid Sahim, 34 berkata, medan selera itu mendapat reaksi positif da-



RAMAI...pengunjung menjamu selera di medan selera Jalan Masjid India.

ripada orang ramai kerana makanan di sini mempunyai kepelbagaian.

Katanya, masakan Kelantan, Johor, Pulau Pinang dan Terengganu turut terdapat di sini menjadikannya lokasi wajib untuk disinggah pengunjung setiap kali datang membeli-belah.

Farid yang hampir enam

tahun membuka gerainya di medan selera itu berkata, kawasan itu boleh dilabelkan sebagai lubuk emas kepada peniaga kedai makan kerana keuntungan yang diperolehi agak lumayan.

"Pengunjung boleh mencuba pelbagai makanan termasuk buah-buahan. Di sini juga terdapat pelbagai jenis

air yang dijual di hadapan medan selera bagi memudahkan orang ramai menghilangkan dahaga.

"Selalunya, pengunjung tidak melepaskan peluang untuk menikmati ikan bakar dan mi bandung. Setakat ini medan selera ini mendapat sambutan positif daripada pengunjung," katanya.